# Tiga penyelidik muda terima anugerah MAKNA

**Kuala Lumpur:** Tiga penyelidik muda tempatan menerima Anugerah Penyelidikan Kanser Majlis Kanser Nasional (MAKNA) 2013 dengan masing-masing menerima cek RM30,000.

Seramai 15 pemohon mengambil bahagian dan hanya tiga calon saja dipilih juri diketuai Felo Akademi Sains Malaysia (ASM), Prof Emeritus Dr Cheong Soong Keng bagi menjalankan penyelidikan dalam merawat atau mengurangkan penyakit kanser.

Antara penerima anugerah ialah Felo Penyelidik Institut Biosains di Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Yeap Swee Keong, 31, Pembantu Profesor Universiti of Nottingham, Dr Ho Wan Yong, 28, dan pelajar jurusan Sarjana Sains Perubatan di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Noorfaaiza A Aziz, 26.

Yeap berkata, Newcastle Disease Virus (NDV) iaitu virus yang menyerang ternakan seperti ayam yang kini merebak di seluruh negara, dapat merawat dan membunuh sel tumor kanser dalam badan pesakit.

"Saya mengkaji virus ini sejak 2007 dan masih dalam penyelidikan bagi merawat penyakit kanser payudara.

"Geran yang diterima ini digunakan bagi kajian penggunaan virus NDV untuk pesakit kanser, sekali gus dapat mengurangkan kadar kematian akibat kanser di Malaysia," katanya ketika ditemui di ASM, semalam.

Turut hadir, Presiden dan Pengasas MAKNA, Datuk Mohd Farid Ariffin serta Setiausaha Agung ASM, Datuk Dr Samsudin Tugiman.

Sejak 2001, MAKNA mengeluarkan RM1.265 juta kepada 38 peserta yang mengambil bahagian bagi mengembangkan idea dalam penyelidikan yang mereka ceburi.